



MOD.100-2/1/2 Jld 6 () 02/05

MENTERI PERTAHANAN TURUN PADANG
BAGI MEMANTAU PROJEK POLIKLINIK DAN SENGGARAAN
RUMAH KELUARGA ANGKATAN TENTERA DI KEM MAHKOTA KLUANG

1. **JOHOR BAHRU, 10 Mei 2024** - Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin (YB MENHAN) telah mengadakan lawatan kerja ke Kem Mahkota Kluang yang disambut oleh Panglima 3 Divisyen, Mejar Jeneral Dato' Indera Zahari bin Mohd Ariffin. Lawatan kerja ini adalah bertujuan memantau status projek Poliklinik Kem Mahkota Kluang, melihat dengan lebih dekat keadaan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) Kluang Barat serta beramah mesra dengan warga Kem Mahkota Kluang, Johor, hari ini.
2. YB MENHAN menerima **taklimat berkenaan senggaraan RKAT Kluang Barat** oleh Ketua Detasmen 933 Unit Perkhidmatan Kejuruteraan Angkatan Tentera (933 UPKAT), Leftenan kolonel Mohathir bin Mohd. Taklimat berkenaan adalah rangkuman kepada projek senggaraan yang telah dilaksanakan pada tahun 2023 dan senggaraan tahun 2024 melibatkan **1,078 unit kediaman** kepada warga tentera yang bertugas di Kem Mahkota.
3. YB MENHAN juga diberikan taklimat berkaitan **Tapak Projek Poliklinik Kem Mahkota** oleh Ketua Penolong Setiausaha Unit Awam/3 Khidmat Bahagian Pembangunan MINDEF, Encik Radzif bin Rosli sebelum menyantuni Warga Kem Mahkota, Kluang dalam Majlis Ramah Mesra TD di Dewan Mahkota.
4. Semasa berlangsung, YB MENHAN juga turut menyerahkan **mock cheque berjumlah RM 11,438,500.00** bagi **Senggaraan RKAT Kem Mahkota Tahun 2024** kepada **Panglima 7 Briged, Brigadier General Dato' Mohamad Suria bin Mohamad Saad** sambil disaksikan oleh **Timbalan Panglima Tentera Darat, Leftenan Jeneral Dato' Tengku Muhammad Fauzi bin Tengku Ibrahim**. Simbolik penyerahan peruntukan ini membuktikan Kementerian Pertahanan sentiasa cakna dan komited dalam usaha memelihara kebijakan dan kemaslahatan warga TDM.
5. Turut disempurnakan semasa majlis ini adalah **Sumbangan Pendidikan MADANI oleh Yayasan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (YLTAT)** untuk anak-anak ATM Tahun 1 sesi persekolahan 2024. Seramai 10 orang pelajar telah menerima insentif berjumlah RM 50.00 secara **one-off** yang dikreditkan ke dalam akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN Prime). Inisiatif murni ini akan memastikan anakanak ATM memiliki akaun simpanan di PTPTN bagi memudahkan urusan pendidikan tinggi mereka pada masa hadapan.

6. Selain itu, **bantuan kebajikan** kepada **18 orang penerima dari kalangan anak anggota yang menghidap penyakit kronik** turut sama dizahirkan. Setiap kanak-kanak tersebut menerima **sumbangan tunai sebanyak RM 300.00 secara one-off**. Sumbangan ini mencerminkan keprihatinan TDM dalam membantu meringankan beban warga menguruskan kehidupan sehari-hari.
7. Sebagai maklumat, lawatan kerja ini adalah merupakan yang keempat selepas YB MENHAN mengadakan lawatan ke Kem Erskine, Kuala Kubu Bharu, Kem Seberang Takir, Terengganu dan Kem Terendak, Melaka baru-baru ini.
8. Turut hadir adalah Pegawai-Pegawai Kanan TDM.

-TAMAT-

**“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

**Kementerian Pertahanan Malaysia
10 Mei 2024 (dikeluarkan pada jam 1.00 petang)**